

NAMA:

TINGKATAN:

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5
TAHUN 2022/2023**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

DUA JAM

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. *Modul ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Modul ini mengandungi 4 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada sambutan perayaan di Malaysia. Berdasarkan grafik tersebut, tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan perihal sambutan perayaan di Malaysia.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

 <p>Pakaian tradisional</p>	 <p>Makanan tradisional</p>
<p>Majlis rumah terbuka</p> <p>Kemeriahan perayaan bukti perpaduan kaum</p> <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div data-bbox="247 1008 758 1310">  </div> <div data-bbox="774 1052 1364 1299"> <p>RASA - Sambutan perayaan pelbagai agama dan kaum menjadi landasan terbaik mengukuhkan perpaduan serta persefahaman rakyat apabila diraikan dalam suasana aman.</p> <p>Ahli Parlimen Hulu Selangor, Jure Leow Hsiad Hui berkata, setiap rakyat merasai kemeriahan perayaan kaum lain dan turut sama berkoncong ke rumah pada hari sambutan tersebut.</p> <p>Menurutnya, budaya tersebut membuktikan perpaduan kaum masih terpelihara dan rakyat mengutamakan sikap saling menghormati perayaan agama lain.</p> <p>"Melalui persefahaman sedemikian dan sama-sama meraikan, kita dapat menghalang perasaan curiga sesama kaum kerana ia boleh membawa kepada perpecahan.</p> <p>"Perpaduan sangat penting bagi sebuah negara seperti Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum kerana ia menjadi kunci kepada kemajuan socio-ekonomi.</p> <p>"Kita harus menanti dan menjadikan teladan apa yang bertakdi di beberapa negara luar apabila aspek perpaduan dan kepentingan rakyat yang diberi keprihatinan, katanya.</p> <p>Jure Leow berkata, setiap rakyat harus mematuhi peraturan politik, perlu elak kenyataan bersebelahan.</p> </div> </div>	

Sumber : Internet

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Semangat patriotik perlu ditanam dalam diri setiap remaja sejak kecil lagi supaya mereka lebih menghargai warisan, kepelbagaian budaya dan sejarah negara. Semangat ini boleh disuburkan melalui kesedaran dan pendidikan. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan untuk memastikan hasrat ini tercapai.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian Online, 4 September 2018

Berdasarkan petikan di atas, terdapat langkah-langkah untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja.

Huraikan.

- 2 Nilai-nilai murni seperti sikap jujur, amanah dan bertanggungjawab perlu ada dalam diri setiap individu. Nilai ini dapat memberi kesan positif dalam kehidupan seseorang.

Dipetik dan diubah suai daripada
BH Online, 18 April 2020

Sebagai respons kepada pernyataan di atas, huraikan kesan positif tersebut kepada diri anda.

- 3 Isu keselamatan di sekolah perlu diberikan perhatian yang serius agar keselamatan murid-murid terjamin. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak polis perlu bekerjasama untuk memastikan persekitaran sekolah lebih selamat.

Dipetik dan diubah suai daripada
psbtpnsarawak.wordpress.com, 12 Mac 2018

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan kerjasama tersebut.

- 4 TANGGAL 3 Mac pada setiap tahun merupakan sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia. Namun begitu, terdapat beberapa spesies hidupan liar seperti gajah, harimau dan beruang matahari kini di ambang kepupusan dan sukar ditemui di habitat semula jadi mereka. Masalah kepupusan hidupan liar berpunca daripada kegiatan pemburuan haram, pembalakan haram dan pencemaran alam.

Dipetik dan diubah suai daripada

Sinar Harian, 2 Mac 2021

Petikan di atas menyatakan hidupan liar di Malaysia semakin terancam.

Bincangkan.

MODUL TAMAT